



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 Aug2021 (Friday)**

Berita Harian

Ahli politik tak lagi diberi tauliah mengajar agama	1
Cadangan projek PJD Link masih dalam proses rundingan	2
Pulau Pinang pinjam 200,000 dos vaksin	3

Utusan Malaysia

MAIS edar 156 Jalur Gemilang	4
------------------------------	---

Harian Metro

Pekerja kilang paling ramai dijangkiti	5
Pinjam 200k vaksin Selangor	6
Larangan buat ahli politik	7
Projek PJD Link dalam rundingan	8

Kosmo

Ahli politik tidak boleh mengajar di masjid	9
Piala AFC: Kedah belum terfikir	10

Sinar Harian

Ramai nyata sokongan	11
Sasar jualan hartanah RM24 juta	12
Merdeka dengan putus rantai rasuah	13
Jom sertai Jejak Khadijah Edisi Merdeka pada 31 Ogos ini	14
Perjanjian didakwa samar, berat sebelah	15
191 kes penderaan rumah tangga dikesan di Selangor	16
53,571 pekerja industri di Selangor positif Covid-19	17
Ahli politik tidak lagi diberi tauliah mengajar agama	18

Astro Awani

Ahli Politik Dilarang Ceramah Agama Di Selangor	19
53 571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19	20
Ahli Politik Tidak Diberi Tauliah Mengajar Agama Di Selangor	21

Berita Harian Online

53,571 pekerja industri di Selangor positif COVID-19 sejak Julai	22
Ahli politik tidak lagi diberi tauliah mengajar agama	23
Pembinaan lebuhraya PJD Link dalam proses rundingan	24
Program 'PKNS Plus Mesti Beli' sasar jualan RM24 juta	25
Pulau Pinang pinjam 200,000 dos vaksin pertama daripada Selangor	26

Bername News Channel

Selangor Pinjamkan 200,000 Dos Kepada Pulau Pinang	27
53,571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19	28
53,571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19	29

Bername Radio 24

Selangor Setuju Pinjamkan 200,000 Dos Kepada Pulau Pinang	30
53,571 pekerja industri di Selangor positif COVID-19 sejak Julai	31

Era FM



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor Pinjamkan 200,000 Dos Kepada Pulau Pinang	32
KOSMO Online	
62 peratus pekerja kilang positif di Selangor	33
Jangan sorok, simpan data kematian Covid-19	34
Selangor pinjamkan 200,000 dos vaksin kepada Pulau Pinang	35
Tauliah Mengajar Agama Islam ahli politik tidak disambung	36
Malaysiakini Online	
Lebih 30,000 pekerja kilang di S'gor positif Covid-19 sejak Julai	37
Selangor setuju pinjamkan 200,000 dos vaksin kepada Pulau Pinang	38
ULASAN Tunjukkan jalan keluar buat 'warlord'	39
myMetro On-line	
53,571 pekerja industri positif Covid-19 sejak Julai	40
Aidil puas Kedah menang lagi	41
Nasional FM (87.7)	
Selangor Setuju Pinjamkan 200,00 Dos Vaksin Kepada Pulau Pinang	42
53,571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19	43
Permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Di Selangor Tidak Akan Diberi Kepada Ahli Politik	44
RTM1	
Hampir 54 000 Pekerja Industri Positif	45
Keganasan Rumah Tangga	46
Selangor TV	
PKNS PLUS Mesti Beli Sasar RM 24 Juta Nilai Jualan Hartanah	47
Sinar FM	
Selangor Pinjamkan 200,000 Dos Kepada Pulau Pinang	48
Selangor Setuju Pinjamkan 200,000 Dos Kepada Pulau Pinang	49
P. Pinang Pinjam 200,000 Dos Vaksin Dari Selangor	50
Sinar Harian Online	
Jiwai kemerdekaan, putus rantai rasuah	51
Sasar jualan hartanah RM24 juta	52
53,571 pekerja industri di Selangor positif Covid-19	53
Amaran kepada pemimpin politik, penjawat awam!	54
'Bila baca perjanjian, banyak untungkan pemaju'	55
Hijau Kuning semakin kental	56
Selangor catat 191 kes penderaan rumah tangga	57
Selangor pinjamkan 200,000 dos vaksin Covid-19 kepada Pulau Pinang	58
Status projek PJD Link masih dalam peringkat rundingan	59
Tauliah mengajar buat ahli politik tidak akan disambung	60
Worldwide Holdings, lima PBT bangukan ISWMC	61
TV3	
Inisiatif Bantun Graduan, Orang Miskin Terjejas Pandemik Covid-19	62
53,571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19 / Ahli Politik Tidak Lagi Diberi Tauliah Mengajar Agama	63



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Utusan Malaysia Online

ADUN Selangor dapat peruntukan RM200,000, tambahan RM50,000	64
Ahli politik tidak boleh mengajar agama Islam di Selangor	65
Covid-19: Kilang punca kes tinggi, 62 peratus pekerja positif	66
Selangor catat 191 kes keganasan rumah tangga	67

The Star

Careful thought goes into project deliberations	68
Mb more than 200 premises ordered to close for violating covid 19 SOP	69

New Straits Times

LABUAN HEALTH WORKERS REDEPLOYED	70
----------------------------------	----

The Sun

'No Islamic teaching credentials for Selangor politicians'	71
--	----

Astro Awani

17.1% Cases In Selangor From Industrial Workers	72
---	----

BFM89.9

More Than 53,500 Workers In Various Industry Were Found Positive Covid-19	73
Penang gets 200,000 Covid-19 vaccine boost from Selangor	74

EdgeProp.my

Selangor govt proposes to set up transit homes	75
--	----

Lite FM

Selangor Making Preparation For Selvax Booster Dose	76
Selangor Making Preparation For Selvax Booster Dose	77

Malaysiakini Online

Credentials for Islamic teachings won't be issued to politicians in S'gor - MB	78
S'gor approves Penang's request to borrow 200,000 vaccine doses	79

Mix FM

Penang gets 200,000 Covid-19 vaccine boost from Selangor	80
--	----

New Straits Times Online

Selangor agrees to loan Covid-19 vaccines to Penang	81
---	----

The Malay Mail Online

Covid-19: Bukit Gasing rep questions why Selangor paying more for Sinovac than Putrajaya	82
Over 53,000 industrial workers tested positive for Covid-19 in Selangor since July, state assembly told	83
Penang gets 200,000 Covid-19 vaccine boost from Selangor	84
Selangor exco says negotiations still ongoing for PJD Link	85

The Star Online

MB: More than 200 premises ordered to close for violating Covid-19 SOP	86
Pharmacists in the pandemic	87
Aww shucks, you shouldn't have: Corn on cob and tiger prawns handed out as door gifts at Selangor state assembly	88
Covid-19: 53,571 industrial workers in Selangor tested positive since July	89



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



Covid-19: Vaccination rates must go up before considering booster shots, says Health DG	90
Credentials for Islamic teaching will no longer be issued to politicians in S'gor, says MB	91
Traxx FM (90.3)	
Selangor State Assembly Was Told Today Their Not Approve For Islamic Religious To Obtain Tauliah	92
China Press	
33 vaccinations centers will be closed one after another, the people hurry up and get vaccinated!	93
Izham: The construction of the evacuation flyover avenue in Petaling Jaya is under review, the project must meet 6 conditions.	94
The severity of new Covid-19 cases in Klang stems from the inability of migrant workers to be vaccinated.	95
Abandoned cars everywhere affect the appearance of the city and become an "obstacle" to upgrade of MPK.	96
Selangor MB posted on Facebook to mourn the death of the former commander-in-chief of the armed forces	97
MBSJ provides online payment for the convenience of the public	98
Sin Chew Daily	
City councillors: Skuad Pantas stand by anytime to deal with flood and trees fall	99
MPK to coincide with National Day and will hold an online quiz on 31st	100
MPK will hold an creative competition to collect suggestion to solve scrap car issues	101
The garbage in Klang resident area can't clean up at all, delivery food and drinks packages throw at any where	102
Izham: PJD Link must have approval from federal government, discuss a way of "Friendly development"	103
Selangor cooperate with MACC to implement various measure to anti-corruption	104
Selangor MB: Over 50 thousand people infected Covid-19 in Selangor workplace, 62% is from manufacture factories	105
PKNS to coincide with National day to launch house property promotion, and look forward to have RM24 million in sales	106
Nanyang Siang Pau	
PKNS and MBI fulfill their corporate social responsibility by contributing RM9 million	107
Selangor lends 200,000 doses of vaccine to Penang	108
Guang Ming Daily	
High funeral costs for Non-Muslims who have died due to the Coronavirus; Gunarajah hopes Selangor will set up a committee to provide assistance	109
Parliament member : Discrepancy in body count; Do not hide Klang's death toll	110
Selangor MB : Over 53k factory workers infected by covid-19 as of today since last month	111
Why Selangor's donation of 20k vaccines to Pulau Pinang was not mentioned, Lim Guan Eng asked Penang Health committee	112
Makkal Osai	
Penang gets 200,000 Covid-19 vaccine boost from Selangor	113
53,571 industrial workers in Selangor tested positive	114
Malaysia Nanban	
33214 Selangor factory workers have been positive for Covid-19 since July	115
Penang gets 200,000 Covid-19 vaccine boost from Selangor	116



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Tamil Malar

Politicians barred from preaching in Selangor mosques, suraus

117

8TV

53,571 Pekerja Industri Di Selangor Positif Covid-19

118



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Ahli politik tak lagi diberi tauliah mengajar agama
Muka Surat	:	20

Sidang DUN Selangor

Ahli politik tak lagi diberi tauliah mengajar agama

Keputusan dibuat menerusi Mesyuarat Dewan Diraja Selangor

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Individu berstatus ahli politik tidak akan diberi tauliah untuk mengajar agama Islam di masjid dan surau di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata perkara itu diperkenalkan Ahli Dewan Diraja menerusi Mesyua-

rat Dewan Diraja Selangor pada Mac 2019.

"Pada April lalu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerusi mesyuarat Jawatankuasa Tauliah juga memutuskan bagi ahli politik yang masih mempunyai tauliah, ia akan terus berkuat kuasa dan dikekalkan sehingga tamat tempoh sah (tauliah) dengan syarat individu berkenaan tidak menyampaikan ceramah yang menyentuh isu kepartian, mengaitkan individu tertentu dan menyebarkan fitnah.

"Ahli politik berkenaan juga perlu menjaga akhlak dan terus memelihara kemuliaan masjid serta surau sebagai pusat ilmu dan dakwah setempat," katanya pada Sidang Dewan Undangan

Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata sedemikian menjawab soalan Syamsul Firdaus Mohamed Supri (PH-Taman Medan) mengenai tauliah mengajar agama Islam kepada aktivis organisasi politik.

Amirudin berkata, sehingga kini seramai 31 ahli politik di Selangor masih memegang tauliah mengajar agama Islam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata sejumlah 191 kes keganasan rumah tangga direkodkan bagi Januari hingga Mei lalu yang didaftarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).



Amirudin menjawab soalan pada Sidang DUN Selangor, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Jumlah berkenaan membabitkan kes yang didaftarkan untuk bimbingan dan runding cara iaitu 69 kes bagi daerah Petaling; Hulu Langat (38); Gombak (28); Klang (16); Sepang (15); Kuala Langat (14); Kuala Selangor (6); Hulu Selangor (3) dan Sabak Bernam (2).

"JAIS kini sedang mengadakan fungsi Pusat Islamic Saviour Obedience (ISO) JAIS Prihatin di setiap daerah yang mana pusat berkenaan berperanan sebagai penyelaras khidmat nasihat, bimbingan dan runding

cara kepada masyarakat.

"Peranan pusat ini termasuk dalam hal menerima panggilan berkaitan penderaan mental dan fizikal serta merujuk kepada pihak yang berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan polis," katanya menjawab soalan Haniza Mohamed Talha (Bersatu-Lembah Jaya) mengenai usaha yang dilakukan serta perancangan masa depan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Selangor bagi menangani isu penderaan dan pesakit mental.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Cadangan projek PJD Link masih dalam proses rundingan
Muka Surat	:	22

Sidang DUN
Selangor

Cadangan projek PJD Link masih dalam proses rundingan

Shah Alam: Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memaklumkan bahawa cadangan pembinaan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) kini dalam proses rundingan antara kerajaan Persekutuan dan syarikat pencadang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pertanian, Perladangan dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim, berkata kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 30 September 2020 mengambil maklum pembentangan projek daripada LLM mengenai cadangan projek itu.

Katanya, MMKN dalam mesyuarat sama sudah menimbang dan bersetuju secara dasar dengan cadangan PJD Link dan menetapkan syarat, antaranya projek dilaksana mengikut tatacara pemprosesan permohonan secara rundingan mengikut Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

"Antaranya, pihak konsesi perlu melaksana Penilaian Impak Alam Sekitar dan Kajian Impak Sosial, termasuk mengadakan sesi *public engagement* bersama penduduk setempat yang terabit dalam jajaran dicadangkan.

"LLM juga perlu berbincang lanjut dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi penyelarasan pembinaan projek dengan pembangunan diluluskan pada peringkat MBPJ di kawasan rizab sungai, proses pengambilan balik tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu dan penyelegaraan sungai diserahkan kepada pihak konsesi.

"Ia berikutan 2.5 kilometer dari jajaran lebuhraya ini berada di atas rizab sungai dengan pembinaan maksimum sehingga ke sempadan rizab sungai," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Menjawab soalan R Rajiv (PH-Bukit Gasing), beliau berkata, syarat itu ditetapkan bagi mengelakkan isu seperti urusan tanah yang masih belum selesai yang membelenggu projek lebuhraya sedia ada serta bantahan penduduk setempat terhadap jajaran lebuhraya yang melalui kawasan kedia-

man.



Izham Hashim



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pulau Pinang pinjam 200,000 dos vaksin
Muka Surat	:	23

Penularan COVID-19

Pulau Pinang pinjam 200,000 dos vaksin

Georgetown: Pulau Pinang meminjam 200,000 dos vaksin daripada kerajaan Selangor bagi membolehkan 225,226 populasi dewasa negeri itu menerima suntikan imunisasi pertama COVID-19.

Langkah itu selaras sasaran menetapkan 100 peratus populasi dewasa negeri itu mendapat dos pertama akhir bulan ini atau minggu pertama bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Norlela Ariffin, berkata Pulau Pinang membuat permohonan untuk meminjam vaksin dos pertama COVID-19 daripada Selangor untuk menyejajarkan vaksinasi kepada penduduk negeri itu.

"Syukur apabila permohonan kita untuk meminjam 200,000 dos

vaksin itu diluluskan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, semalam (kelmarin).

"Kita berharap dengan usaha ini, sasaran negeri untuk mencapai 100 peratus populasi dewasa mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada akhir bulan ini atau minggu pertama bulan hadapan akan berhasil," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya sudah bermesyuarat dengan Selangor Health Care (SELCARE), kelmarin bagi membincangkan mengenai pakej dan penghantaran vaksin berkenaan.



Norlela Ariffin

Norlela berkata, negeri itu sebelum ini menerima 300,000 dos vaksin kedua daripada Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dan bukan dos pertama.

"Oleh itu, kita akan memulangkan semula dos kedua ini dan syukur permohonan pemulangan yang dibuat diluluskan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta CITF," katanya.

Ketika ini, katanya, Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pulau Pinang memberikan suntikan vaksin sehingga 47,000 dos sehari.

Dalam pada itu, Norlela berkata, kira-kira 76,000 individu di

daerah Seberang Perai Tengah yang menjadi pusat perebakan COVID-19 di negeri itu, belum divaksin.

Selain itu, katanya, sekitar 80,000 pekerja di daerah itu yang mendaftar dengan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) juga belum menerima suntikan.

Norlela berkata, 70 peratus daripada jangkitan COVID-19 dan kadar kebolehhajangan (RO) di negeri itu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 adalah daripada tempat kerja, termasuk kilang.

Selain itu, beliau berkata, walaupun kes harian ketika ini mencecah sehingga 2,500, sebanyak 98 peratus daripadanya tiada gejala atau hanya mengalami gejala ringan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	MAIS edar 156 Jalur Gemilang
Muka Surat	:	34



MAIS edar 156 Jalur Gemilang

MAJLIS Agama Islam Selangor (MAIS) mengedarkan 156 Jalur Gemilang kepada Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS) dan agensi di bawahnya bagi menyemarakkan semangat patriotik menjelang sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos nanti.

Sebanyak 156 Jalur Gemilang terdiri daripada 11 bendera dan 145 bendera pelekat kenderaan diedarkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) dan Jabatan Pendakwaan Syariah.

Jalur Gemilang itu turut diagihkan kepada agensi dan anak syarikat MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. dan Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd. Pengarah MAIS, Tan Sri Abdul

Aziz Mohd. Yusof berkata, majlis penyerahan itu bertujuan menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat terutama kepada warga kerja MAIS, JHEIS, agensi-agensi dan anak syarikat dalam menghadapi pandemik Covid-19 yang melanda negara.

"MAIS berharap dalam keadaan yang mencabar ini amat penting untuk kita menghayati semangat dan semua inspirasi negara yang telah berjuang demi kemerdekaan tanah air di samping tidak melupakan ulang tahun kemerdekaan negara bagi membuktikan rasa cinta dan bangga sebagai rakyat di negara ini," katanya.

■ ABDUL Aziz Mohd. Yusof (tengah) memasang bendera pelekat kenderaan sebagai simbolik majlis penyerahan Jalur Gemilang di Shah Alam, semalam.
- UTUSAN/NORHAYATI YAHAYA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pekerja kilang paling ramai dijangkiti
Muka Surat	:	2

SIDANG DUN SELANGOR

Pekerja kilang paling ramai dijangkiti

Shah Alam: Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor diberitahu semalam setakat ini 53,571 pekerja industri dikenal pasti positif Covid-19 sejak Julai, melalui saringan di tempat kerja masing-masing.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, saringan dijalankan itu melalui pihak majikan sebagai persediaan sebelum masuk ke tempat kerja, kontak rapat kepada rakan kerja yang positif dan saringan sendiri pekerja itu sendiri



di fasiliti kesihatan swasta.

“Daripada jumlah pekerja industri yang dinyatakan, 62 peratus adalah pekerja di sektor perkilangan (33,214), 14.5 peratus sektor perkhidmatan (7,768), 13.5 peratus pekerja sektor pembinaan (7,232) dan 10 peratus pekerja di sektor perdagangan (5,357).

“Secara kasarnya, jumlah tersebut meliputi 17.1 peratus kes dikenal pasti di Selangor adalah pekerja (sektor) industri,” katanya

yang menjawab soalan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Pas-Sijanggang) yang ingin mengetahui jumlah individu disyaki dijangkiti dalam sektor industri semasa mereka bekerja.

Dalam pada itu Amirudin berkata, 79 kilang sektor pembuatan diberi arahan penutupan di bawah Seksyen 18(1)(f) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 disebabkan melakukan tiga atau lebih kesalahan melanggar prosedur operasi standard akta tersebut, mulai 13 Julai sehingga 23 Ogos oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pinjam 200k vaksin Selangor
Muka Surat	:	8

Pinjam 200k vaksin Selangor

Oleh Nur Izzati Mohamad
 am@hmetro.com.my

Georgetown

Pulau Pinang meminjam 200,000 dos vaksin dari Selangor bagi menghabiskan baki 225,226 populasi dewasa di negeri itu yang sehingga kini belum menerima suntikan pertama Covid-19.

Ia sekali gus ke arah mencapai sasaran negeri itu yang menetapkan 100 peratus populasi dewasa mendapat dos pertama akhir bulan ini atau minggu pertama bulan hadapan.

Pulau Pinang mahu habiskan baki 225,226 populasi belum divaksin

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Norlela Ariffin berkata, Pulau Pinang membuat permohonan untuk meminjam vaksin dos pertama Covid-19 dari Selangor bagi membolehkan rakyat negeri itu yang belum menerima imunisasi dapat disegerakan.

"Syukur apabila permohonan kita untuk meminjam 200,000 dos vaksin itu diluluskan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari semalam (kelmarin).

"Kita berharap dengan

usaha ini, sasaran negeri untuk mencapai 100 peratus populasi dewasa mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada akhir bulan ini atau minggu pertama bulan hadapan akan berhasil," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Jelasnya, beliau turut bermesyuarat bersama *Selangor Health Care* (Selcare) bagi membincangkan berkaitan pakej dan penghantaran vaksin untuk memastikan proses imunisasi dapat berjalan lancar.

"Sehingga kini, kapasiti Pusat Pemberian Vaksin

(PPV) Pulau Pinang memberikan suntikan vaksin sehingga 47,000 dos sehari," katanya.

Norlela berkata, Pulau Pi-



DR Norlela

nang sebelum itu menerima 300,000 dos vaksin kedua dari Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) dan bukan dos pertama.

"Oleh itu, kita akan memulangkan semula dos kedua ini dan syukur permohonan pemulangan yang dibuat diluluskan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) serta CITF," katanya.

Dalam pada itu, Norlela berkata, kira-kira 76,000 individu di daerah Seberang Perai Tengah yang menjadi pusat perebakan di negeri ini belum divaksin manakala

sekitar 80,000 pekerja di daerah itu yang mendaftar dengan Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (Pikas) juga belum menerimanya.

"Sebanyak 70 peratus daripada jangkitan Covid-19 dan kadar kebolehjangkitan (RO) di negeri ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 adalah daripada tempat kerja yang termasuk kilang.

"Selain itu, walaupun kes harian ketika ini mencecah sehingga 2,500, sebanyak 98 peratus daripadanya tiada simptom atau hanya mengalami simptom ringan," katanya.



KERATAN AKHBAR
27 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Larangan buat ahli politik
Muka Surat	:	22

SIDANG DUN SELANGOR: TAULIAH AJAR AGAMA

Larangan buat ahli politik

Shah Alam

Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor diberitahu semalam permohonan tauliah mengajar agama Islam tidak akan diberikan kepada individu berstatus ahli politik di negeri ini.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara terbabit sudah diperkenankan Ahli Dewan Diraja Selangor dalam Mesyuarat Dewan Diraja Selangor (Mesyuarat Diraja Se-

langor Bilangan 15) yang bersidang 4 Mac 2019.

Amirudin menjelaskan Jawatankuasa Tauliah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 6 April 2021 juga memutuskan mana-mana ahli politik yang mempunyai tauliah mengajar dan masih berkuat kuasa dikekalkan hingga tamat tempoh sah tauliah dengan bersyarat.

Katanya, syarat itu ialah individu terbabit perlu menyampaikan ceramah tanpa menyentuh isu politik kepartian, mengaitkan



PERSIDANGAN Dun Selangor di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, semalam.

individu tertentu dan menyebarkan fitnah, selain dapat menjaga ahlak dan kemuliaan masjid serta surau sebagai pusat ilmu dan dakwah setempat.

"Tempoh tamat (tauliah mengajar) setahun sehingga dua tahun dari tarikh kelulusan tauliah dikeluarkan. Jadi jika ada yang mahu memperbaharui semula tauliah, semua yang mempunyai jawatan jelas dalam politik tidak dibenarkan menyambung tauliah masing-masing.

"Seramai 31 ahli politik masih memegang tauliah mengajar agama dan sah sehingga tamat tempoh mereka di

Selangor," katanya yang menjawab soalan Syamsul Firdaus Mohamed Supri (PH-Taman Medan) pada persidangan Dun Selangor di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, semalam.

Syamsul Firdaus ingin mengetahui sama ada individu berstatus ahli politik tidak akan diberikan tauliah mengajar dan jumlah ahli politik yang pernah atau masih memegang tauliah mengajar agama Islam di negeri ini.

Sementara itu, Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri Dr Siti Mariyah Mahmud berkata, sejumlah 191 kes keganasan rumah tangga dari bulan Janu-

ari hingga Mei lalu didaftarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk diberi bimbingan dan runding cara.

Katanya jumlah itu membabitkan 69 kes bagi daerah Petaling: Hulu Langat (38), Gombak (28), Klang (16), Sepang (15), Kuala Langkat (14), Kuala Selangor (enam), Hulu Selangor (tiga) dan Sabak Bernam (dua).

Beliau menjawab soalan Haniza Mohamed Talha (Bersatu-Lembah Jaya) yang ingin mengetahui usaha serta perancangan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Selangor menangani isu penderaan fizikal dan mental, serta jumlah kes yang ditangani sehingga ke peringkat memberi pembelaan kepada mangsa.

Seramai 31 ahli politik memegang tauliah mengajar agama sah sehingga tamat tempoh



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Projek PJD Link dalam rundingan
Muka Surat	:	22

Projek PJD Link dalam rundingan

Shah Alam: Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor diberitahu semalam cadangan pembinaan lebuhraya *Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link)* ketika ini dalam proses rundingan antara pihak kerajaan persekutuan dengan syarikat pencadang, bagi tujuan pelaksanaannya.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor Ir Izham Hashim berkata, kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-34/2020 pada 30 September 2020, sudah mengambil mak-

lum pembentangan projek daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), berkenaan cadangan projek PJD Link.

“MMKN dalam mesyuarat yang sama sudah menimbang dan bersetuju secara dasar dengan cadangan projek PJD Link dan menetapkan syarat di mana projek berkenaan dilaksanakan mengikut tatacara pemprosesan permohonan secara rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

“Pihak konsesi perlu melaksanakan Penilaian

Impak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Impak Sosial (SIA) bagi pelaksanaan projek ini termasuk mengadakan sesi *public engagement* bersama penduduk setempat yang terbabit secara langsung dalam jajaran yang dicadangkan.

“LLM mengadakan perbincangan lanjut dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), bagi penyelesaian pembinaan projek PJD Link dengan pembangunan yang sudah diluluskan di peringkat MBPJ di kawasan rizab sungai,” katanya menjawab soalan R Rajiv

(PH-Bukit Gasing) pada persidangan Dun Selangor di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, semalam.

Rajiv ingin mengetahui berhubung status cadangan pembinaan lebuhraya PJD Link di Petaling Jaya serta status kelulusan sudah diberi kepada syarikat pencadang.

Izham berkata, pindaan kepada Rancangan Tempatan Petaling Jaya perlu dilaksanakan dengan adanya pembinaan projek itu dan proses pengambilan balik tanah hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ahli politik tidak boleh mengajar di masjid
Muka Surat	:	6



SELANGOR menetapkan ahli politik tidak akan diberi tauliah mengajar agama di masjid dan surau di negeri berkenaan. - GAMBAR HIASAN

Keputusan dibuat Selangor pada 6 April lalu

Ahli politik tidak boleh mengajar di masjid

SHAH ALAM – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak akan menyambung dan menerima permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam di masjid dan surau di negeri ini daripada individu yang bergelar ahli politik.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu selaras dengan sidang mesyuarat Dewan Diraja Selangor yang ke-151 pada 4 Mac 2019 selepas mendapat perkenan daripada Ahli Dewan Diraja Selangor.

Bagaimanapun, katanya, Jawatankuasa Tauliah MAIS pada 6 April lalu memutuskan ahli-ahli politik yang tauliah mengajarnya masih berkuat kuasa dibenarkan sehingga tamat tempoh tauliah.



“Beberapa syarat ditetapkan kepada mereka seperti tidak menyeytuh isu-isu politik kepartian, mengaitkan individu tertentu dan menyebarkan fitnah.

“Setakat ini, sebanyak 31 ahli politik yang masih memegang Tauliah Mengajar Agama Islam di Selangor,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Syamsul Firdaus Mohamed Supri (**PH-Taman**

Medan) yang ingin mengetahui status mengajar agama Islam oleh aktivis organisasi politik.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud berkata, Petaling menjadi daerah paling tinggi mencatatkan kes keganasan rumah tangga dalam tempoh lima bulan tahun ini iaitu 69 kes berbanding 191 kes direkodkan di seluruh negeri sejak Januari lalu.

Menurutnya, ini diikuti Hulu Langat (38), Gombak (28), Klang (16), Sepang (15) dan Kuala Langat (14).

“Selebihnya daerah Kuala Selangor hanya mencatatkan enam kes selain Hulu Selangor (3) dan Sabak Bernam (2),” ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Piala AFC: Kedah belum terfikir
Muka Surat	:	39


Piala AFC: Kedah belum terfikir

KEDAH Darul Aman (KDA) FC berada pada landasan tepat untuk melayakkan diri ke pentas Piala AFC musim depan apabila menghuni tangga ketiga dalam saingan Liga Super ketika ini.

Skuad kendalian Aidil Sharin Sahak itu memastikan tempat dalam kelompok tiga pasukan teratas selepas menewaskan PJ City 4-1 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya malam kelmarin.

Walaupun berpeluang cerah untuk melayakkan diri ke saingan Piala AFC, namun beliau enggan memikirkan mengenai perkara itu kerana menganggap ia masih awal.

Aidil percaya saingan masih lagi terbuka melibatkan Selangor, Terengganu serta Penang untuk mengisi tangga kedua dan ketiga bagi melayakkan diri ke Piala AFC.



KPAH SHERMAN (tengah) meledak dua gol ketika KDA FC mencatat kemenangan 4-1 menewaskan PJ City pada aksi kelmarin.

"Kami tidak fikir lagi mengenai perkara itu (Piala AFC) kerana berdepan jadual yang sangat padat, jadi saya mahu pasukan fokus satu demi satu perlawanan.

"Masih ada lagi perlawanan yang perlu diharungi dan kami mahu kutip mata maksimum bagi memberi tekanan kepada Selangor, Penang dan Terengganu," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ramai nyata sokongan
Muka Surat	:	10

Ramai nyata sokongan

Banyak pihak tampil mahu sertai Malaysia #QuranHour 30 Ogos ini

Oleh HIDAYAH HAIROM



SHAH ALAM

Program Malaysia #QuranHour yang bakal berlangsung pada 30 Ogos ini sempena sambutan Hari Kebangsaan 2021 mendapat sambutan membara apabila banyak pihak menyatakan hasrat untuk turut serta.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Datin Paduka Mastura Muhamad berkata, perkembangan itu sebagai satu petunjuk positif dan membuktikan wujudnya kesedaran tinggi dalam kalangan rakan sinergi serta klien



MASTURA

PPAS.

Menurutnya, secara tidak langsung, ia menggambarkan program yang telah masuk tahun ketujuh itu memberi impak besar kepada masyarakat.

“Apa yang bagusnya, ada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sudah nyatakan sokongan untuk menyertai Malaysia #QuranHour walaupun kita belum sempat hubungi mereka untuk buat jemputan.

“Mereka merasakan program ini dapat membantu kita menghadapi pandemik Covid-19 ketika ini dengan dapat memberikan ketenangan yang dicari,” katanya kepada *Sinar*

Harian pada Khamis.

PPAS merupakan rakan sinergi bagi Malaysia #QuranHour yang memainkan peranan besar bagi menarik penglibatan masyarakat sejak awal program itu dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Mastura berkata, di peringkat negeri Selangor, semua kakitangan perpustakaan telah menyatakan komitmen untuk turut menyertai program itu yang akan diadakan secara dalam talian.

Malaysia #QuranHour di bawah naungan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dianjurkan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dengan kerjasama rakan sinergi termasuk TV AlHijrah, RTM, Bernama, Astro Oasis, Astro Awani, Utusan TV, Sinar TV dan *Sinar Harian*.

Rakan sinergi lain ialah Nu Ideativ, IKIMfm, News Straits Times Press (NSTP), Zayan FM, Denaihati.com, Pusat Pelancongan Islam (ITC), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Rumah Ngaji dan Sahabah Al-Quran.



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sasar jualan hartanah RM24 juta
Muka Surat	:	13

Sasar jualan hartanah RM24 juta

PKNS Plus Mesti Beli tawar pelbagai pilihan menarik kepada pembeli

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan meraih RM24 juta nilai jualan hartanah melalui program PKNS Plus Mesti Beli yang menampilkan pelbagai pilihan produk hartanah dengan harga menarik.

Ketua Pegawai Operasinya, Suhaimi Kasdon berkata, 27 unit hartanah melibatkan tujuh projek dengan pelbagai pakej menarik ditawarkan kepada pelanggan dengan harga bermula daripada RM400,000 hingga RM1 juta seunit.

Menurutnya, tujuh projek tersebut terletak di lokasi menarik iaitu di Bernam Jaya (Rafflesia); Kota Puteri (Puteri Daffina X); Antara Gapi; Selangor Cyber Valley (Residensi Aurora) dan Alam Nusantara (Kehijauan Enklaf).

"Pelbagai pakej menarik

akan ditawarkan kepada pelanggan seperti yuran guaman percuma, duti setem percuma, barangan rumah pintar atau smart home yang bernilai sehingga RM15,000 untuk projek terpilih dan pelbagai lagi.

"Antara projek bakal menarik perhatian adalah 105 unit rumah link dua tingkat di Bernam Jaya (Rafflesia), 14 unit rumah link dua tingkat di Kota Puteri (Puteri Daffina X)," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Tengah, Mohd Wazir Abdul Gani; Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Utara, Azilah Arasad@Arshad dan Pengurus Besar Wilayah Selatan, Saharom Mohni.

Mengulas lanjut, Suhaimi berkata, terdapat dua projek perumahan yang ditonjolkan PKNS menerusi program PKNS Mesti Beli di Antara Gapi iaitu 146 unit rumah berkembar dua tingkat (Azhara) dan 54 unit rumah berkembar (Cassia).

"Sementara itu, sejumlah 300 unit rumah link dua dan tiga tingkat di Selangor Cyber Valley (Residensi Aurora), 10 unit rumah berkembar tiga tingkat di Alam Nusantara (Hijauan Enklaf) serta 50 unit rumah superlink tiga tingkat atau Anggun Kirana," katanya.

Suhaimi berkata, PKNS me-



PKNS menyasarkan nilai jualan RM24 juta melalui program PKNS Plus Mesti Beli yang menampilkan pelbagai pilihan produk hartanah dengan harga menarik.

narawakan kediaman yang siap diduduki dengan pelbagai pilihan dan pakej menarik serta merupakan pelaburan jangka panjang yang menguntungkan.

Sasaran

Malah beliau memaklumkan, pada 27 dan 28 Mac lalu, Program PKNS Plus Siri 1/2021 yang diadakan secara serentak di semua Galeri Jualan Hartanah PKNS menunjukkan kejayaan amat memberangsangkan.

Menurutnya, PKNS PLUS Siri 1/2021 berjaya mencapai nilai jualan secara keseluruhan lebih RM50 juta melibatkan

102 unit di mana peratus pencapaiannya adalah sebanyak 151 peratus dan ia melebihi sasaran yang ditetapkan.

"Seperti sedia maklum, projek hartanah PKNS ini mempunyai pelbagai kelebihan antaranya perbandaran yang sedang giat membangun dan berhampiran dengan akses lebu raya malah sudah pasti kemudahan serta prasarana awam dibandar namun suasana persekitaran masih kekal tenang lagi mendamaikan," katanya.

Maklumat

Beliau berkata, PKNS juga menyediakan medium terbaharu untuk para pelanggan iaitu Online Experience, pautan yang memberi kemudahan untuk pelanggan mengakses maklumat berkenaan hartanah PKNS.

"Melalui kempen ini, pembeli akan mendapat maklumat lebih tepat dan pantas di mana ia bertepatan hasrat PKNS untuk memberi keutamaan kepada pelanggan dengan menaik taraf khidmat jualan.

"Pautan akan diberikan kepada pelanggan pada hari program iaitu 28 dan 29 Ogos ini di mana pelanggan akan memperoleh maklumat seperti harga projek, pelan lantai, pelan tapak dan peta akses," katanya.

Suhaimi berkata, program tersebut akan dijalankan secara

hibrid iaitu digital dan konvensional, manakala penjualan adalah secara dalam talian melalui talian PKNS X Line dan platform media sosial, PKNS Property.

Dalam masa sama, menurutnya, jenama baharu bagi kempen promosi dan jualan PKNS tahun 2021 ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan enam lagi program menarik.

"Antaranya PKNS PLUS Mesti Beli (Ulangtahun PKNS), Pelancaran Life @ PKNS, Program Life @ Kota Puteri, Program Life @ Bernam Jaya, Program Life @ Antara Gapi dan PKNS PLUS Mesti Beli pada akhir tahun.

"Untuk makluman, P, L, U dan S membawa maksud tersendiri iaitu P potongan harga dengan diskaun dan rebat menarik untuk pembeli sehingga 20 peratus manakala L adalah lambakan pakej menarik ditawarkan antaranya hiasan dalaman dan rumah pintar.

"U pula bermaksud unit nilai tinggi bagi hartanah PKNS yang memberi pulangan pelaburan lumayan kepada pembeli, manakala S pula membuktikan produk PKNS memberikan ruang selesa dan luas kepada seisi keluarga," katanya.



SUHAIMI



Suhaimi (kanan) melihat replika rumah contoh ketika Majlis Pelancaran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Mesti Beli Sasar RM24 juta Jualan Tanah pada Khamis.

FOTO: ASRIE ASWANDI/SHUKOR



KERATAN AKHBAR 27 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Merdeka dengan putus rantai rasuah
Muka Surat	:	15



PERSPEKTIF
 DR IRMOHEZAM IBRAHIM

Pada 23 Ogos lalu, ketika bertitah merasmikan sidang mesyuarat pertama penggal keempat Dewan Undangan Negeri (DUN), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila masih ramai dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam di Selangor yang terlibat dengan amalan rasuah biarpun sudah berkali-kali diberi peringatan. Malah, baginda menitahkan agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus menjalankan siasatan menyeluruh bagi membersihkan Selangor dari amalan rasuah.

